



KPM.600-7/1/5 Jld 6 (71)
2 Februari 2017

Semua Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri

Pengetua
Sekolah Sukan Bukit Jalil

Pengetua
Sekolah Sukan Malaysia Pahang

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

**PROGRAM JR. NBA 2017 MALAYSIA ANJURAN DUTCH LADY MALAYSIA DAN
NBA ASIA BAGI SUKAN BOLA KERANJANG DENGAN KERJASAMA BAHAGIAN
SUKAN, KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Program *Jr. NBA 2017 Malaysia* bagi sukan Bola Keranjang anjuran *Dutch Lady Malaysia* dan *NBA Asia* dengan kerjasama Bahagian Sukan, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) akan bermula pada bulan April ini.

3. Program *Jr. NBA* telah diperkenalkan di Malaysia sejak tahun 2014 dan mendapat sambutan yang amat memberangsangkan daripada peminat-peminat Bola Keranjang. Program ini memberi kesedaran tentang gaya hidup yang sihat melalui sukan Bola Keranjang bagi murid berusia 5 hingga 14 tahun, guru, jurulatih dan ibu bapa, di samping memberi peluang kepada murid dan guru jurulatih yang terpilih untuk menyertai perlawanan persahabatan di negara China pada bulan Oktober nanti.

... 4. Untuk makluman YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan, program tersebut akan dilaksanakan dalam **5 peringkat dari bulan April hingga Oktober** seperti di **Lampiran A**. Pada peringkat awal, klinik peningkatan kemahiran asas murid dan guru jurulatih baharu serta klinik bagi jurulatih terlatih akan diadakan seperti ketetapan berikut:

4.1 Klinik Jurulatih Terlatih (*Train The Trainers*)

Tarikh : 21 April 2017 (Jumaat)

Masa : 2.00 – 6.00 petang

Tempat : SJK (C) Kwong Hon, Sg. Besi, Kuala Lumpur

Peserta : Guru Jurulatih berpengalaman dalam kejurulatihan

(akan dilantik sebagai jurulatih sepanjang program *Jr. NBA*)

.../2

4.2 Klinik Kemahiran Asas Jurulatih (Coaches Clinic)

Tarikh : 22 April 2017 (Sabtu)

Masa : 8.30 pagi – 12.00 tengah hari

Tempat : IGB International School, Sungai Buloh, Selangor

Peserta : Guru Jurulatih Baharu/Guru Pendidikan Jasmani/Ibubapa

4.3 Klinik Kemahiran Asas Murid (Open Clinic)

Tarikh : Sesi 1 - 22 April 2017 (Sabtu), 2.00 - 4.00 petang

& Masa Sesi 2 - 23 April 2017 (Ahad), 10.00 - 12.00 tengah hari

Sesi 3 - 23 April 2017 (Ahad), 2.00 - 4.00 petang

** Sila pilih salah satu sesi untuk dihadiri*

(Setiap sesi 400 peserta sahaja)

Tempat : IGB International School, Sungai Buloh, Selangor

Peserta : Murid berumur 5 – 14 tahun (diiringi guru/jurulatih/ibubapa)

5. Jasa baik YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan adalah dimohon supaya perkara-perkara berikut diberi perhatian apabila melibatkan murid sekolah:

- 5.1 Penyertaan murid dan guru hendaklah mendapat kelulusan dan persetujuan Guru Besar atau Pengetua;
- 5.2 Penyertaan murid dan guru tidak mengganggu atau menjejaskan proses pengajaran dan pembelajaran;
- 5.3 Menjaga keselamatan dan kebajikan murid yang terlibat dengan program ini;
- 5.4 Murid-murid dan warga sekolah tidak boleh dipaksa atau diwajibkan terlibat dengan program ini;
- 5.5 Penyertaan murid-murid hendaklah mendapat kebenaran bertulis daripada ibu bapa atau penjaga;
- 5.6 Sekiranya ibu bapa tidak mengiringi murid, maka guru pengiring hendaklah dilantik oleh pihak sekolah bagi mengiringi murid ke program berkenaan.

6. Makanan ringan semasa klinik akan disediakan oleh *Dutch Lady* Malaysia. Pihak sekolah yang berminat perlu menyediakan **pengangkutan pergi dan balik serta penginapan dan sajian** (jika berkenaan) untuk murid dan guru/jurulatih yang terlibat.

7. Sehubungan dengan itu, jasa baik dan kerjasama YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan adalah dimohon supaya menggalakkan dan membenarkan pegawai-pegawai/sekolah-sekolah di bawah seliaan YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan bagi menyertai klinik tersebut. Sekolah yang berminat perlu mendaftarkan nama secara atas talian di laman sesawang : **www.jrnba.asia/malaysia** mulai 1 Mac 2017 atau mengisi **Borang Pengesahan Kehadiran** yang dilampirkan.

8. Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi **Cik Lim Tou Jing** di talian 03-88841346/013-2285432, emel lim.toujing@moe.gov.my atau pegawai pihak penganjur, **Cik Nor Shamsidar** di talian 017-3472357, emel shamsidar@eplusglobal.com.

Kerjasama dan sokongan YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan dalam perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**“SEHATI SEJIWA”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,



(DR. MEHANDER SINGH A/L NAHAR SINGH)

Pengarah
Bahagian Sukan
Kementerian Pendidikan Malaysia

LT/JAij

- s.k. :
1. Ketua Unit Sukan, Jabatan Pendidikan Negeri
 2. Pengurus Pemasaran, *Dutch Lady* Malaysia
 3. NBA Asia, *Limited*, Hong Kong
melalui *E-Plus Entertainment Productions (M) Sdn. Bhd.*

**PELAKSANAAN PROGRAM JR. NBA 2017 MALAYSIA
PRESENTED BY DUTCH LADY MALAYSIA**

Peringkat	Tarikh/Bulan Pelaksanaan	Isi Kandungan Program
1	21 - 23 Apr	<ul style="list-style-type: none"> • Majlis Pelancaran • Klinik Jurulatih Terlatih • Klinik Kemahiran Asas Jurulatih • Klinik Kemahiran Asas Murid
2	Apr – Ogos	<ul style="list-style-type: none"> • Klinik Bola Keranjang <i>Drink.Move.BeStrong</i> di sekolah • Klinik Kluster (Zon Utara & Zon Selatan)
3	8 & 9 Jul	<ul style="list-style-type: none"> • Kem Pemilihan Serantau (Saringan) * Hanya murid yang terpilih pada hari pertama (8/7) akan ditawarkan untuk hadir pada hari kedua (9/7) • 32 murid lelaki dan 32 murid perempuan akan dipilih untuk ke peringkat 4
4	28 – 30 Jul	<ul style="list-style-type: none"> • Kem Latihan Pusat (Akhir) • Penginapan dan sajian disediakan • 8 murid lelaki, 8 murid perempuan dan 2 guru/jurulatih yang terbaik akan dipilih sebagai Pasukan <i>Jr. NBA All-Stars</i> Malaysia untuk ke peringkat 5
5	Okt	<ul style="list-style-type: none"> • Mewakili Malaysia ke luar negara • Sesi Latihan di Sekolah Bola Keranjang negara China • Perlawanan Persahabatan dengan Pasukan <i>Jr. NBA</i> negara serantau (Filipina, Indonesia, Thailand, Vietnam, Singapura) • Menyaksi perlawanan NBA secara langsung



presented by



Borang Pengesahan Kehadiran – Open Clinic

Sessi	1		2		3	
--------------	----------	--	----------	--	----------	--

Sila tanda (X) sessi yang ingin menghadiri

No	Nama Guru Pengiring	No. Telefon	Kad Pengenalan
1			
2			
No	Nama Murid	Kelas/ Tingkatan	Kad Pengenalan
1			
2			
3			
4			
5			
6			
7			
8			
9			
10			
11			
12			
13			
14			
15			
16			
17			
18			
19			



presented by



No	Nama Murid	Kelas/ Tingkatan	Kad Pengenalan
20			
21			
22			
23			
24			
25			
26			
27			
28			
29			
30			
31			
32			
33			
34			
35			
36			
37			
38			
39			
40			

PENGESAHAN PENGETUA SEKOLAH

Disahkan oleh :

Tandatangan:

Cop Sekolah:

Nama Pengetua :